



GARIS PANDUAN 2

MEMBINA MASJID DAN SURAU

**MASJID DAN SURAU
NEGERI PULAU PINANG**

TAHUN 2016

GARIS PANDUAN 2

MEMBINA MASJID /SURAU BARU

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam permohonan untuk membina masjid/surau baru.

2. RUJUKAN

- 2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004 (Seksyen 96 →Seksyen 104)
- 2.2 Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.

3. SINGKATAN

AJK	: Ahli Jawatankuasa
JHEAIPP	: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
JKR	: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
JMNPP	: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
MAINPP	: Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
PMS	: Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
YDP	: Yang Dipertua MAINPP

4. PEMBINAAN MASJID/SURAU BARU

- 4.1 Jawatankuasa Kariah/Surau hendaklah berbincang dan membentuk Jawatankuasa Pembangunan untuk membina masjid/surau atau Jawatankuasa Penaja bagi kariah baru
 - 4.1.1 Keanggotaan hendaklah terdiri daripada;-
 - i. Pengerusi.
 - ii. Timbalan Pengerusi.
 - iii. Setiausaha.
 - iv. Bendahari.
 - v. 5 orang Ahli Jawatankuasa.
 - vi. 2 orang Pemeriksa Kira-Kira.
- 4.2 Jawatankuasa Pembangunan / Penaja mengisi borang permohonan membina masjid/surau baru dengan lengkap. **[Borang 2(a) : Masjid Baru, Borang 2(b) : Surau Baru]**
- 4.3 Jawatankuasa pembangunan / penaja dengan nasihat daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah melengkapkan senarai berikut;-
 - i. Status tapak lokasi dan geran tanah.
(buat permohonan tanah, jika tanah belum ada).
 - ii. Reka bentuk pelan bangunan.

- iii. Anggaran kos perolehan tapak dan kos pembinaan.
- iv. Sumber kewangan dan dana pembinaan.
- v. Alasan-alasan membina masjid/surau baru.

4.4 Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut;-

- i. Mendapatkan pengesahan JKR tentang tahap kerosakan dan keselamatan bangunan masjid lama (jika berkenaan).
- ii. Menjalankan siasatan di lokasi dan status tapak masjid.
- iii. Mengkaji kemungkinan ada halangan yang akan timbul.
- iv. Mengadakan mesyuarat dengan jawatankuasa pembangunan, PMS JHEAIPP, Unit Pembangunan JHEAIPP, MAINPP, JMNPP, Pejabat Daerah, JKR dan agensi lain yang berkaitan jika perlu.
- v. Menentukan tempat Solat Jumaat sementara yang bersesuaian (jika berkaitan).

4.5 Pegawai Tadbir Agama mengemukakan permohonan (kertas cadangan) kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bertujuan memperolehi kelulusan dari sudut hukum untuk meroboh dan membina atau membina masjid baru, mendirikan Solat Jumaat dan menentukan tempat mendirikan Solat Jumaat sementara. Satu salinan kertas cadangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian PMS, JHEAIPP.

* Jika permohonan untuk meroboh dan membina semula masjid, maka kertas cadangan perlu ada kenyataan berikut:- *Memohon kelulusan dan mendapat penjelasan hukum dan kaedah untuk melupuskan perkakasan dan bahan binaan masjid lama.*

4.6 Mengemukakan permohonan (kertas cadangan) kepada MAINPP dan satu salinan kertas cadangan berkenaan kepada Bahagian PMS, JHEAIPP serta memastikan perkara berikut;-

- i. Keputusan dan persetujuan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.
- ii. Borang permohonan yang dikemukakan lengkap mengandungi ulasan serta sokongan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah.

4.7 Setelah mendapat kelulusan MAINPP, tindakan selanjutnya adalah seperti berikut;-

- i. Mengadakan mesyuarat dengan jawatankuasa pembangunan, MAINPP, JMNPP, Bahagian PMS JHEAIPP, Unit Pembangunan JHEAIPP dan agensi yang berkaitan (jika perlu).
- ii. Jawatankuasa pembangunan memohon peruntukan dan mencari dana membina masjid/surau baru dan tempat solat Jumaat Sementara (jika perlu).
- iii. JKR/Agensi berkaitan mengeluarkan tender meroboh dan membina bangunan masjid/surau.
- iv. Jawatankuasa mematuhi kaedah dan tatacara pelupusan bahan-bahan bangunan masjid lama.
- v. Jawatankuasa Pembangunan dan Wakil Pegawai Tadbir Agama Daerah memantau kerja-kerja meroboh dan membina.

- vi. MAINPP menerima bangunan masjid/surau baru daripada JKR/Agensi berkaitan.
 - vii. YDP MAINPP atau wakil membuat pengisytiharan masjid baru dan memulakan solat Jumaat. Bagi surau baharu, MAINPP menyerahkan kunci kepada Jawatankuasa surau.
- 4.8 Jawatankuasa kariah/surau boleh memohon kebenaran untuk membuat kutipan derma dan sumbangan mendirikan masjid/surau baru menggunakan borang permohonan kutipan derma khairat daripada Bahagian Dakwah, JHEAIPP.
- 4.9 Pembiayaan membina masjid/surau baru melalui derma/wakaf individu hendaklah didepositkan ke dalam Akaun Tabung Amanah Majlis atau Tabung Masjid/Surau.